

17/02/2000

Keterangan Zull Aznam bercanggah: Pendakwa

KUALA LUMPUR, Rabu - Mahkamah Tinggi di sini hari ini diberitahu, pendakwa sedang mengkaji untuk mengemukakan permohonan bagi mencabar keterangan bekas juruiring Datuk Seri Anwar Ibrahim, Deputi Superintendan Zull Aznam Haron yang didakwa mempunyai percanggahan.

Timbalan Kanan Pendakwaraya, Datuk Azahar Mohamed memberitahu Hakim Datuk Ariffin Jaka bahawa keterangan lisan Zull Aznam pada hari ini berbeza dengan kenyataan yang diberikan kepada Asisten Superintendan Mazli Mohd mengikut Seksyen 112 Kanun Acara Jenayah pada 30 Oktober 1998.

Dalam keterangannya hari ini, Zull Aznam memberitahu mahkamah bahawa Azizan Abu Bakar menafikan pembabitannya dalam penulisan buku bertajuk '50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM' ketika bertemu Anwar di rumahnya pada Jun 1998.

Zull Aznam juga memberitahu mahkamah bahawa Azizan ada berkata "dulu abang (Zull Aznam), saya dijanjikan dengan wang" dan dia (Azizan) terpaksa kerana tidak ada pilihan lain.

Bagaimanapun, dalam kenyataan polisnya yang dibuat mengikut Seksyen 112, Zull Aznam berkata; "saya juga tidak tahu menahu apa yang dibincangkan oleh mereka berdua".

Ariffin memberitahu Azahar supaya membuat kajian secara teliti sebelum mengambil keputusan untuk mencabar keterangan Zull Aznam.

Sementara itu, Penolong Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri, Mohd Zaid Ismail memberitahu mahkamah bahawa beliau berjumpa dengan Anwar pada 8 Februari 1993 dalam majlis dialog di London.

Katanya, beliau yang mengikuti rombongan galakan pelaburan Anwar di London, Paris dan Frankfurt kembali bersamanya pada pagi 14 Februari 1993.

Bagaimanapun, beliau tidak pasti sama ada Tun Daim Zainuddin turut mengikuti rombongan berkenaan.

Sementara itu, Ariffin akan membuat keputusan esok sama ada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu hadir ke mahkamah sebagai saksi pembela.

Ariffin berkata beliau perlu mendengar hujah pendakwa dan pembela berhubung kaitan keterangan yang akan diberikan oleh Dr Mahathir dalam perbicaraan itu.

Sehubungan itu, katanya, mahkamah akan memaklumkan kepada Dr Mahathir berhubung kehadirannya selepas membuat keputusan mengenainya, esok.

Ariffin berkata, Dr Mahathir tidak perlu hadir ke mahkamah pagi esok sehinggalah mahkamah membuat keputusannya.

"Saya akan membuat keputusan berhubung kehadiran Perdana Menteri itu selepas meneliti dan mengkaji semua hujah yang dikemukakan oleh pendakwa dan pembela," katanya.

Sebelum itu, peguam bela Sukma Darmawan, Gobind Singh Deo memberitahu mahkamah bahawa pihaknya sudah memaklumkan kepada pendakwa supaya Dr Mahathir hadir ke mahkamah, pagi esok.

Katanya, beliau sudah memberitahu perkara itu kepada Timbalan Kanan Pendakwaraya, Datuk Abdul Gani Patail.

Abdul Gani memberitahu mahkamah, beliau sudah sampaikan permintaan pembela itu kepada Pejabat Perdana Menteri.

Bagaimanapun, katanya, pendakwa akan mengemukakan permohonan mengikut Seksyen 136 Akta Keterangan, sama ada keterangan Dr Mahathir mempunyai kaitan dengan kes berkenaan.

Bagaimanapun, beliau berkata, setakat ini pendakwa belum bercadang untuk

mengetepikan sapina yang dikeluarkan ke atas Dr Mahathir.
Perbicaraan bersambung esok.
(END)